



## MAKLUMAT PENTING

### 1. Orang Yang Layak Dinamakan

- Ahli yang beragama Islam adalah dinasihatkan supaya menamakan mana-mana individu sebagai penama yang bertindak selaku wasi/pentadbir yang berkeupayaan untuk menguruskan pengeluaran dan pembahagian simpanan KWSP ahli mengikut Undang - Undang Islam. Ahli juga boleh melantik Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai penama (wasi/pentadbir).
- Ahli yang bukan beragama Islam adalah dinasihatkan supaya menamakan mana-mana individu sebagai benefisiari yang berhak menerima simpanan ahli. Ahli juga boleh melantik ARB sebagai penama atau pemegang amanah kepada penama di bawah umur 18 tahun.
- Bagi ahli yang melantik ARB sebagai penama atau pemegang amanah, satu fi (bayaran) akan dikenakan oleh ARB yang akan ditolak daripada jumlah pengeluaran simpanan. Ahli dinasihatkan berhubung dengan pihak ARB untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan fi ini.
- Jika ahli memilih ARB sebagai penama bagi mentadbir simpanannya, ARB akan bertindak untuk menguruskan 100% simpanan tersebut.
- Bagi ahli (bukan beragama Islam) yang melantik ARB sebagai pemegang amanah kepada penama di bawah umur 18 tahun, ARB akan bertindak untuk menguruskan 100% simpanan bahagian penama tersebut.
- Ahli juga dinasihatkan supaya sentiasa menyemak status penamaan dari semasa ke semasa dan membuat pengemaskinian sekiranya perlu.

### 2. Syarat-syarat Untuk Ahli Membuat Penamaan

- Semua warganegara Malaysia
- Ahli yang bukan warganegara Malaysia boleh membuat penamaan sekiranya:-
  - Menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; ATAU
  - Telah mendapat Taraf Penduduk Tetap (PR)
- Telah mencapai umur 18 tahun atau lebih
- Penamaan perlu dibuat oleh ahli sendiri
- Borang KWSP 4 mestilah diisi dengan lengkap

### 3. Kuat kuasa Penamaan:-

- Borang penamaan KWSP 4 hendaklah diterima oleh KWSP semasa ahli masih hidup.
- Penamaan berkuat kuasa pada tarikh KWSP menerima Borang KWSP 4 daripada ahli.

### 4. Penamaan Untuk **Ahli Beragama Islam** Terbatal Apabila:-

- Ahli membatalkan penamaan.
- Penama meninggal dunia sebelum ahli (mengikut bahagian penamaan masing-masing).
- Penama meninggal dunia (selepas kematian ahli) dan simpanan ahli belum dibayar kepada penama
- Penamaan baharu dibuat.
- Penama belum mencapai umur 18 tahun ketika permohonan Pengeluaran Kematian ahli dibuat.
- Tiada permohonan Pengeluaran Kematian ahli dibuat dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh kematian ahli.
- Maklumat yang dikemukakan dalam Borang KWSP 4 ahli adalah maklumat palsu, tidak lengkap atau tidak betul.

### 5. Penamaan Untuk **Ahli Bukan Beragama Islam** Terbatal Apabila:-

- Ahli membatalkan penamaan.
- Penama meninggal dunia sebelum ahli (mengikut bahagian penamaan masing-masing).
- Penamaan baharu dibuat.
- Maklumat yang dikemukakan dalam Borang KWSP 4 ahli adalah maklumat palsu, tidak lengkap atau tidak betul.

## PANDUAN MENGISI BORANG PENAMAAN AHLI (KWSP 4)

**Nota : Penggunaan cecair pemadam adalah tidak dibenarkan. Sila isi borang baru jika ada kesilapan**

### (A) MAKLUMAT AHLI

Lengkapkan nama, nombor dokumen pengenalan diri ahli (MyKad/Pasport/Sijil Kelahiran atau lain-lain) dan agama.

### (B) PERSETUJUAN AHLI BERHUBUNG PENAMAAN

- Ahli diminta membaca dan memahami pernyataan mengenai persetujuan ahli berhubung dengan penamaan.
- Bagi ahli bukan beragama Islam, ahli diminta memilih BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU untuk melantik Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai pemegang amanah kepada penama yang belum mencapai umur 18 tahun.

### (C) BUTIRAN KOMUNIKASI

Ahli diminta melengkapi Alamat Surat Menyurat, Alamat E-mel dan No. Telefon sekiranya BERSETUJU untuk mengemas kini maklumat komunikasi dalam rekod KWSP.

### (D) MAKLUMAT PENAMAAN

- Sila isi nama AMANAH RAYA BERHAD sahaja dalam ruangan Nama Penama jika ahli memilih ARB sebagai penama.
- Sila isi maklumat berikut dengan tepat dan lengkap jika menamakan individu sebagai penama:
  - Nama dan nombor dokumen pengenalan diri penama
  - Hubungan penama dengan ahli (suami/isteri/anak/ibu/bapa atau lain-lain)
  - Bahagian/Peratusan – Jumlah simpanan yang akan diperuntukkan kepada setiap penama sama ada dalam bentuk Bahagian (cth. 1/3 tetapi tidak melebihi 3/3) atau Peratusan (cth 30% tetapi tidak melebihi 100%).
  - Bilangan penama mestilah mengikut bilangan orang yang dinamakan.
  - Ruangan penama yang kosong perlu DIPALANG bagi mengelakkan tambahan penama dibuat oleh pihak yang tidak bertanggung jawab.

### (E) UNTUK KEGUNAAN KWSP

Bahagian ini tidak perlu diisi oleh ahli


### (F) PENGESAHAN AHLI

Ahli dikehendaki menurunkan cap ibu jari (kanan dan kiri) dengan terang dan jelas di dalam ruangan yang disediakan dengan menggunakan pad cap jari berwarna hitam seperti contoh dalam gambar di sebelah:



### 6. DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN:

Dokumen pengenalan diri AHLI dan PENAMA hendaklah dicetak atau disalin di atas kertas bersaiz A4. Bagi ahli dan penama yang memiliki MyKad, sila cetak atau salin bahagian hadapan dan belakang MyKad atas muka surat yang sama kertas A4 seperti contoh gambar di sebelah:



UNTUK KEGUNAAN KWSP

**(A) MAKLUMAT AHLI**

NAMA

[illegible]

NO. DOKUMEN PENGENALAN DIRI

[illegible]

AGAMA

\_\_\_\_\_

**(B) PERSETUJUAN AHLI BERHUBUNG PENAMAAN**

### B1) PENAMAAN BAGI AHLI BERAGAMA ISLAM

1. Penama adalah wasi (pentadbir) yang akan menguruskan pengeluaran dan pembahagian simpanan KWSP saya mengikut Undang-Undang Islam.
2. Penamaan bagi penama yang berkenaan akan terbatal dan Pengeluaran Kematian simpanan saya akan diproses sebagaimana pembayaran tanpa penamaan JIKA :-
  - i) Penama belum mencapai umur 18 tahun ketika permohonan Pengeluaran Kematian dibuat oleh penama/waris saya

ATAU

- ii) Tiada permohonan Pengeluaran Kematian dibuat oleh penama dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kematian saya.
3. Jika saya memilih **Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai penama**, ARB adalah pentadbir yang akan menguruskan 100% bahagian simpanan KWSP saya dan fi yang dikenakan oleh ARB akan ditolak daripada jumlah pengeluaran simpanan tersebut.

## B2) PENAMAAN BAGI AHLI BUKAN ISLAM

1. Penama adalah benefisiari kepada simpanan KWSP saya.
2. Jika saya **memilih ARB sebagai penama**, ARB adalah pentadbir yang akan menguruskan 100% bahagian simpanan KWSP saya dan fi yang dikenakan oleh ARB akan ditolak daripada jumlah simpanan tersebut.
3. Saya **\*BERSETUJU / TIDAK BERSSETUJU** melantik **ARB sebagai pemegang amanah** untuk menguruskan pengeluaran dan mentadbir simpanan KWSP saya sekiranya penama belum mencapai umur 18 tahun semasa permohonan pengeluaran dibuat dan fi yang dikenakan oleh ARB akan ditolak daripada jumlah simpanan tersebut.

*\*(potong mana yang tidak berkenaan)*

**B3) PEMBEKALAN / PENZAHIRAN MAKLUMAT KEPADA ARB**

Sekiranya saya menamakan ARB sebagai Penama / Pemegang Amanah, saya membenarkan KWSP untuk membekalkan / menzahirkan maklumat berhubung penamaan ini kepada ARB.

**(C) BUTIRAN KOMUNIKASI**

Dengan mengisi maklumat ini, saya **BERSETUJU** maklumat komunikasi saya dikemas kini dalam rekod KWSP.

ALAMAT  
SURAT-MENYURAT

[illegible]

## POSKOD

|  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|

NEGERI

[illegible]

ALAMAT E-MAIL

\_\_\_\_\_

NO. TELEFON  
PEJABAT

|  |  |  |   |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|---|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  | - |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|---|--|--|--|--|--|--|--|--|

NO. TELEFON  
RUMAH

|  |  |  |   |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|---|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  | - |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|---|--|--|--|--|--|--|--|--|

NO. TELEFON BIMBIT

|  |  |  |   |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|---|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  | - |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|---|--|--|--|--|--|--|--|--|

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

(D) MAKLUMAT PENAMAAN

Saya dengan ini mengesahkan memohon untuk menamakan individu/institusi yang disenaraikan di bawah ini sebagai penama kepada simpanan KWSP saya.

| BIL | NAMA PENAMA<br>(MENGIKUT DOKUMEN PENGENALAN DIRI/INSTITUSI) | NO. DOKUMEN<br>PENGENALAN DIRI            | TARIKH LAHIR<br>(HH/BB/TTTT) | HUBUNGAN<br>DENGAN AHLI | BAHAGIAN /<br>PERATUSAN |
|-----|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|------------------------------|-------------------------|-------------------------|
|     |                                                             | Tidak perlu diisi sekiranya menamakan ARB |                              |                         |                         |
| 1   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 2   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 3   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 4   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 5   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 6   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 7   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 8   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 9   |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 10  |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 11  |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 12  |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 13  |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 14  |                                                             |                                           |                              |                         |                         |
| 15  |                                                             |                                           |                              |                         |                         |

Bilangan penama

|  |  |
|--|--|
|  |  |
|--|--|

(E) UNTUK KEGUNAAN KWSP SAHAJA

NO. AHLI

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

PEGAWAI PENGESAH

NAMA :  
NO. ANGGOTA :  
MASA TERIMA :

COP TARIKH TERIMA

|  |
|--|
|  |
|--|

(F) PENGESAHAN AHLI

1. Dengan menurunkan cap ibu jari saya ini, saya mengesahkan semua butiran di dalam borang ini adalah betul dan benar.
2. Saya juga mengesahkan saya memahami keseluruhan kandungan berkaitan penamaan ini.

CAP IBU JARI KIRI

|  |
|--|
|  |
|--|

CAP IBU JARI KANAN

|  |
|--|
|  |
|--|